

Menang tempat ketiga dalam Festival Tari Sakti Piala Tun Dr. Siti Hasmah

# Kelab Warisan harumkan nama UTHM



**KELAB** Warisan UTHM yang memenangi tempat ketiga dalam Festival Tari Sakti Piala Tun Dr. Siti Hasmah di Universiti Multimedia Cyberjaya, baru-baru ini. - GAMBAR IHSAN UTHM

Oleh **HANIZA HASSAN**  
utusanjohor@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU** 11 Feb. - Kelab Warisan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengharumkan nama institusi pengajian tinggi itu apabila muncul tempat ketiga dalam Festival Tari Sakti Piala Tun Dr. Siti Hasmah di Universiti Multimedia Cyberjaya, baru-baru ini.

Pertandingan dianjurkan Stage Arts Of Tradisional Malay Group (Sakti) itu disertai oleh tujuh buah institusi pengajian tinggi (IPT) dengan setiap pasukan perlu membawa dua buah persembahan tarian iaitu asli dan kreatif.

Juara pertandingan tersebut dimenangi oleh kumpulan dari Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) manakala tempat kedua menjadi milik Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara).

Kelab Warisan yang dibimbing oleh Artis Budaya UTHM, Rosdi Abdullah itu telah mempersembahkan

Walaupun peserta dari UTHM terdiri daripada penuntut kejuruteraan tetapi mereka tetap memberi saingan sengit kepada peserta lain dan dapat menewaskan empat kumpulan IPT lain

SHAFRY SALIM

Pegawai Perhubungan Awam UTHM

tarian asli yang menampilkan gerak tari inang, joget dan zapin serta tarian kreatif bertajuk Rama Sita.

Tarian Rama Sita itu menceritakan perjalanan kisah Ramayana dan Sita Dewi dalam hikayat dongeng yang selalu dipaparkan dalam persembahan wayang kulit.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, kejayaan tersebut amat membanggakan sekali apabila pasukan UTHM berjaya menempatkan pasukan sebaris



dengan IPT yang mempunyai pelajar dari fakulti seni persembahan.

"Walaupun peserta dari UTHM terdiri daripada penuntut kejuruteraan tetapi mereka tetap memberi saingan sengit kepada peserta lain dan dapat menewaskan empat kumpulan IPT lain."

"Diharapkan kejayaan tersebut menjadi pemangkin kepada kumpulan lain baik dalam bidang kurikulum mahupun pelajaran untuk melakar kecemerlangan," katanya.